



ستياوسها كراجان نكري كلنتن  
YANG BERHORMAT SETIAUSAHA KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

Ruj. Kami : SUK D200(01) 15/1/1 Jld 4 [26 ]  
Bertarikh : 25 Ramadan 1447H bersamaan  
15 Mac 2026M

Semua Ketua Jabatan Negeri / Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri  
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun Negeri / Persekutuan  
Semua Ketua Pengurusan Urusetia Kerajaan Negeri  
Semua Ketua Bahagian / Unit, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

**ARAHAN PENTADBIRAN**  
**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**BILANGAN 1 TAHUN 2026**

**TIADA PENGANJURAN MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI  
DI PEJABAT-PEJABAT KERAJAAN TAHUN 2026**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri Malaysia berkenaan dengan tiada anjuran majlis rumah terbuka Aidilfitri pada tahun 2026, Kerajaan Negeri Kelantan memutuskan bahawa semua Agensi Kerajaan Negeri/Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun Negeri/Persekutuan, diminta untuk tidak menganjurkan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di Pejabat-Pejabat Kerajaan pada tahun 2026.

3. Langkah ini diambil sebagai komitmen untuk menguruskan perbelanjaan dengan lebih berhemah, cermat, dan sederhana bagi memastikan negara tidak terjebak dalam keadaan ekonomi yang lebih sukar susulan situasi ekonomi global yang mencabar.

4. Oleh yang demikian, selaras dengan arahan tersebut, YB Dato'/YB/ YBhg Dato'/YM Tengku/Tuan/Puan adalah diminta mengambil tindakan selanjutnya.

5. Arahan ini adalah **berkuat kuasa serta merta**.

**"ISLAM DIJUNJUNG, RAKYAT BERSATU, NEGERI BERKAT, RAJA BERDAULAT"**  
**"SEMOGA ALLAH MELINDUNGI TUANKU DUNIA DAN AKHIRAT"**

Dengan hormatnya,

**DATO' DR. TENGKU MOHAMED FAZIHARUDEAN AL-HAJ BIN TENGKU FEISSAL.**  
S.P.S.K., D.J.M.K (Kelantan)  
**TENGKU KAYA PERKASA**